

# UMP lulus biasiswa RM400,000 kepada penuntut berkelayakan

**KUANTAN 17 Sept.** - Universiti Malaysia Pahang (UMP) meluluskan biasiswa berjumlah RM400,000 menerusi program MyGift kepada penuntutnya yang berkelayakan bagi meringankan beban mereka dalam menampung kos sara hidup sepanjang tempoh pengajian.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, biasiswa berkenaan diluluskan Lembaga Pemegang Amanah MyGift dan kumpulan pertama penuntut akan menerima surat tawaran semasa pelancaran MyGift pada 1 Oktober ini yang dijadualkan disempurnakan oleh Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah.

"Pada masa ini, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMP sedang mengenal pasti penuntut terbabit dan kita menetapkan dua

kriteria utama iaitu berprestasi tinggi serta kurang berkemampuan.

"Biasiswa ini adalah bagi menampung kos yuran pengajian dan perbelanjaan sara hidup sepanjang belajar di UMP. Saya yakin sumbanan ini dapat meringankan beban mereka," katanya kepada pemberita sempena Kejohanan Golf Amal UMP di Mahkota Golf and Country Club (MGCC) di sini hari ini.

Penganjuran kejohanan siri kedua itu bertujuan mengumpul dana untuk tabung MyGift bagi membiayai biasiswa penuntut miskin di universiti berkenaan.

Kejohanan sama diadakan di Glenmarie Golf and Country Club, Selangor pada 3 September lalu.

Lebih RM500,000 berjaya di-



**DAING NASIR  
IBRAHIM**

kumpulkan menerusi kejohanan berkenaan yang mengatasi sasaran awal ditetapkan iaitu sebanyak RM400,000.

Menurut Daing Nasir, MyGift diperkenalkan sebagai kemudahan kepada masyarakat, warga kampus dan alumni serta pihak luár terutama industri atau syarikat untuk bersama UMP dalam menyokong budaya menderma demi memakmurkan ilmu pendidikan.

Kata beliau, UMP berbesar hati dengan sokongan alumni universiti tersebut dan pemimpin sektor awam dan korporat serta orang ramai untuk menyokong usaha murni berkenaan.

"Program ini harus lestari dalam kerangka strategik yang terancang dan terarah bagi mengumpul sumbangan daripada pelbagai sumber untuk dimanfaatkan oleh universiti ini bagi tujuan tajaan pengajian dan peningkatan fasiliti serta kualiti akademik di UMP," katanya.